



***PUIISI KEMERDEKAAN
SEMPENA HARI
MALAYSIA
#SAYANGI MALAYSIAKU***



Wahai semua.... Wahai semua....
Dengarkan sini aku ingin berbicara,
Celikkan mata dan minda,

Wahai semua.....
Tidak kira Melayu Cina ataupun India,
Dengar apa ingin aku sampaikan
Suatu ketika dahulu
31 ogos1957,
Songkok disarungkan,
Kurung dipakaikan,
Samfoo dikemaskan,
Cheng Sam dikemaskan,
Dhoti disucikan,
Sari dihiaskan,
20.000 orang berhimpun,
Demi laungan merdeka,
Ya, kita sudahpun merdeka,

Namun kini,
Apakah sudah terjadi?
Melayu cara melayu,
Cina cara cina,
India cara india,
Semuanya pentingkan diri sendiri
Hiruk pikuk, hingar bingar, gegak gempita,
Adakah mahu sejarah hitam berulang lagi
Adakah ini yang kita mahukan?
Cukuplah..... cukuplah.....
Hulurkan tangan,
Campakkan ego,
Maniskan muka,
Berdamailah, bersatulah
Perjalanan kita masih jauh
Sayangilah Malaysia kita

DITULIS OLEH:
MOHAMAD AFIQ AIZZAT BIN AZAHAR
NO MATRIX:
08DPI17F1153